

Client :	RICOH ECO ACTION DAY 2017
Publication :	BERNAMA
Section/Page :	http://www.bernama.com/bernama/v8/bm/fe/newsfeatures.php?id=1362224
Date :	6 June 2017
Headline :	Ricoh's Commitment For A Green Earth

Komitmen Ricoh Untuk Pelestarian Sejagat

Oleh Massita Ahmad

SINGAPURA (Bernama) -- Syarikat multinasional, Ricoh Group yang terlibat dalam bidang elektronik dan pengimejan menetapkan 5 Jun untuk program "Eco Action Day" bagi semua operasinya di seluruh dunia.

Program yang antara matlamatnya untuk meningkatkan kesedaran terhadap alam sekitar dibuat bersempena Hari Alam Sekitar Sedunia, program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Tahun 2017 ini adalah tahun pertama Ricoh memperluaskan inisiatifnya meliputi rantau ini dan tema yang dipilih ialah " Sharing eco-mind together".

BERKONGSI WAWASAN RICOH

Sembilan lokasi operasi jualan Ricoh di Asia Pasifik yang menyertai program ini bersama Ricoh Singapura ialah Malaysia, Australia, Hong Kong, India, New Zealand, Filipina, Taiwan, Thailand dan Vietnam.

"Bermula dengan inisiatif serantau ini, kami berharap pertubuhan serta individu akan menggalas komitmen jangka panjang untuk kebaikan serta pelestarian alam sekitar sejagat masa hadapan.

"Tahun lepas, jumlah ikrar yang diterima daripada organisasi untuk Eco Action Day di Singapura sahaja meningkat kepada 207, membabitkan penjimatan tenaga sebanyak 221,247kWh," kata Kazuhisa Goto, Pengarah Urusan Ricoh Asia Pacific sambil menambah, pihaknya berharap sekurang-kurangnya 400 syarikat akan menyertai program itu tahun ini.

Penjimatan tenaga itu, tambahnya cukup untuk membekalkan tenaga ke sebuah blok rumah pangsa untuk selama enam bulan.

USAHA ALAM SEKITAR DAN MATLAMAT PERNIAGAAN RICOH

Syarikat ini mempunyai "No Regrets Policy" dan prinsip pencegahannya menggariskan bahawa sekiranya satu-satu tindakan itu mungkin mendatangkan bahaya kepada orang ramai atau alam sekitar, pendekatan perlindungan akan dilaksanakan.

Ia dibuat tanpa mengira dapatan saintifik masa hadapan yang mungkin membenarkan kebimbangan ini bagi mengelakkan berlaku sebarang penyesalan.

"Dengan dasar 'No Regret Policy Ricoh' ini, kami percaya boleh mendapat pulangan yang mencukupi dalam kegiatan pemuliharaan dengan mewujudkan nilai baru korporat serta pengguna.

"Pusat Pembangunan Perniagaan Eko kami di Gotemba, Jepun membantu memajukan teknologi alam sekitar yang dapat memberi nilai kepada masyarakat,"katanya.

Kajian kebolehlaksanaan teknologi alam sekitar dijalankan di pusat itu bertujuan menghasilkan perniagaan baru.

USAHA PELESTARIAN

Ricoh gigih mempromosi kegiatan kitar semula dengan memperluaskan program mengambil balik mesin Ricoh, botol toner serta kartrij Ricoh.

Malaysia seperti sembilan lokasi lain operasi Ricoh di rantau ini mempunyai program kitar semulanya sendiri.

Mesin syarikat yang telah digunakan dinilai semula dan bahagian-bahagiannya akan digunakan semula sebagai mesin terpakai sementara botol toner serta kartrij yang dikumpul sama ada akan diisi semula atau dijadikan plastik kitar semula untuk kegunaan syarikat kitar semula.

Sebagai tambahan kepada usaha pelestarian, Ricoh Malaysia sejak 2011 telah menjalin kerjasama dengan Persatuan Pencinta Alam untuk projek kemasyarakatan, "Projek Pemulihan Hutan Bakau" di Taman Alam Kuala Selangor.

Projek ini memberi sokongan kepada kegiatan pendidikan serta kesedaran untuk masyarakat tempatan bagi meningkatkan minat mereka terhadap habitat bakau serta flora dan fauna kawasan itu.

Kegiatan menanam pokok juga dianjurkan di taman alam berkenaan sebagai usaha memulihkan kawasan hutan bakau.

BERNAMA